

15 JAN 1998

BANK NEGARA DIGESA BERI DEPOSIT SEMENTARA

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Bank Negara disaran supaya memberikan pinjaman dalam bentuk deposit sementara kepada bank-bank yang menghadapi masalah kekurangan deposit supaya pinjaman kepada sektor produktif dapat di teruskan.

Ketua Pemuda UMNO dan pengerusi Bank Simpanan Nasional Datuk Ahmad Zahid Hamidi hari ini berkata terdapat sesetengah bank yang mengambil langkah yang terlampau drastik dalam mengekang pertumbuhan pinjaman.

Zahid menjelaskan biarpun Bank Negara telah meletakkan sasaran 25 peratus pertumbuhan pinjaman tahun lepas, beberapa bank telah melebihi arahan tersebut sehingga tidak langsung memberikan pinjaman, dengan alasan kekurangan deposit.

Beliau berkata demikian pada persidangan akhbar mengenai pelan tindakan ekonomi negara Pemuda UMNO yang diserahkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara di sini.

Zahid turut mendedahkan sikap sesetengah bank yang membuat jualan paksa terhadap saham berpotensi walaupun kerajaan telah mengarahkan saham-saham seperti itu tidak dijual secara paksa.

"Ini tidak adil dan Pemuda berpendirian bahawa institusi kewangan perlu 'berhati perut' dan bukan menambah kesusahan peminjam dan meneruskan pertumbuhan ekonomi.

"Kegagalan membayar semula bukan sebab kelemahan peminjam tetapi oleh sebab faktor-faktor ekonomi," tambah beliau.

Pemuda UMNO juga mahu kerajaan terus memelihara kepentingan Bumiputera dalam kegawatan ekonomi sekarang, dengan memastikan ekuiti dan aset mereka tidak terlepas ke tangan bank selaku institusi pembiayaan ataupun pihak lain kerana ketidak mampuan usahawan Bumiputera membayar balik pinjaman.

Bagi syarikat Bumiputera yang mendapat konsesi atau projek tetapi tidak mampu meneruskannya kerana masalah pembiayaan, pihak bank hendaklah disyaratkan tidak menjual pemilikan syarikat berkenaan (yang dirampas oleh bank) selain kepada institusi atau individu Bumiputera.

"Kewujudan tabung bantuan sedia ada untuk pelabur Bumiputera harus diperkembangkan lagi dan ditingkatkan peranannya bagi membantu usahawan Bumiputera dan mempertingkatkan kemampuan mereka menyemarakkan semula aktiviti ekonomi negara," kata Zahid.

Zahid berkata Pemuda UMNO juga mahu institusi kewangan memperjelaskan industri dan projek yang dikategorikan sebagai "produktif" dan "tidak produktif" kerana timbul persoalan ke mana wang yang tidak dipinjamkan telah disalurkan.

Pemuda turut mencadangkan supaya kerajaan-kerajaan negara anggota Asean mengkaji kemungkinan menggabungkan bank-bank perdagangan negara masing-masing di kalangan negara Asean.

Contohnya, kerjasama sedia ada antara bank-bank besar di Malaysia, seperti Maybank dan Bank of Commerce dengan bank-bank negara Asean lain "boleh ditambahkan kepada penggabungan," kata Zahid.

Ini dapat memastikan tahap persaingan dan daya tahan intitusi kewangan rantau ini berada pada tahap cukup bersedia menghadapi cabaran kemelesatan ekonomi dan persaingan bank antarabangsa.

Di samping itu, langkah percantuman bank-bank Asean mungkin menjadi langkah pertama ke arah penggunaan matawang rantau ini bagi maksud dagangan serantau seperti yang disarankan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir, katanya.

Pemuda UMNO juga menyokong penuh pendirian tegas kerajaan untuk tidak menerima pakej penyelamat daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) kerana walaupun seperti jiran-jiran Indonesia dan Thailand, negara Asean yang menerima bantuan tersebut, masih terus bergelut dengan kegawatan ekonomi dan kerana bantuan IMF itu tidak berupaya menyelesaikan masalah.

Zahid berkata kempen menolak khabar-khabar angin juga harus dijalankan bagi memperkukuhkan keyakinan rakyat kepada kerajaan.

Selain dari itu Pemuda UMNO merasakan dialog secara terbuka antara kerajaan, ahli perniagaan dan badan-badan atau kesatuan sekerja perlu diadakan supaya keyakinan majikan dan pekerja kepada kerajaan tidak boleh digugat.

Pemuda juga mahu gandingan mantap Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam aktiviti ekonomi diteruskan dan syak wasangka antara satu sama lain dielakkan, tambah Zahid. -- BERNAMA

AD OS